

08/07/2005

RAFIDAH-SURAT

RAFIDAH ENGGAN ULAS SAMA ADA SURAT TELAH DIHANTAR KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz enggan mengulas hari ini sama ada beliau telah menghantar surat jawapan kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh penasihat Proton itu berkaitan industri automotif dan Proton.

"Tanya PM (perdana menteri)," katanya sebelum bergegas meninggalkan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, di mana satu seminar anjuran Wanita Umno diadakan hari ini. Seminar itu dilancarkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Rafidah berkata di Ipoh semalam setiausaha sulitnya akan menghantar surat itu kepada Dr Mahathir pada masa yang sesuai.

Menurutnya, beliau telah menyediakan surat tersebut yang mengandungi semua fakta, perangkaan dan maklumat berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir dalam media baru-baru ini.

Kabinet dalam mesyuarat pada Rabu telah meminta Rafidah menulis sepucuk surat kepada Dr Mahathir memjawab semua isu-isu yang diketengahkan berkaitan dasar automotif kerajaan.

Satu salinan surat juga telah dihantar kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir adalah pemberian Permit Import (AP) ke atas hanya beberapa syarikat, dasar auto kerajaan serta kemasukan kereta-kereta luar pada harga yang sangat rendah yang mengurangkan daya saing kereta nasional. -- BERNAMA

UHS MR MKO SD ZK